



Berita Harian  
27-May-2011  
Page: 38  
Business & Finance  
Market: Malaysia  
Circulation: 160597  
Type: Malaysia - Malay Newspapers  
Size: 250.93 sq.cms  
Frequency: MTWTFSS

# CIMB Group dinobatkan syarikat terbaik

## Nazir dipilih Ketua Eksekutif Terbaik

Oleh Ahmad Farizal Hajat  
ahmadfarizal@bharian.com.my

YONG CHEE CHOONG BERITA HARIAN

**K**UMPULAN perbankan tempatan kedua terbesar, CIMB Group memenangi Anugerah Syarikat Terbaik bagi Perhubungan Pelabur tahun ini di bawah kategori syarikat senaraian awam bermodal besar di Bursa Malaysia.

Ja hasil undian dan laporan kaji selidik Thomson Reuters Extel Surveys dari 6 Disember 2010 hingga 28 Januari lalu yang dilaksanakan di kalangan lebih 700 pengurus dana dan penganalisis di seluruh dunia yang diundang bagi menyertai kajian berkenaan.

Menerusi undian itu, Ketua Eksekutif CIMB Group, Datuk Seri Nazir Razak, turut dipilih sebagai Ketua Eksekutif Terbaik Perhubungan Pelabur.

Selain meraih anugerah dalam dua kategori tertinggi dalam syarikat senaraian awam bermodal besar itu, CIMB Group turut meraih dua lagi anugerah yang dipertandingkan, iaitu Perhubungan Pelabur Profesional dan Laman Web Perhubungan Pelabur Terbaik.

Anugerah berkenaan disampaikan Pengerusi Bursa Malaysia Bhd, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Tan Sri Zarinah Anwar di Kuala Lumpur semalam.

Anugerah Perhubungan Pelabur, anjuran Persatuan Perhubungan Pelabur Malaysia (MIRA) dengan sokongan



**MOHAMED DZAIDDIN** menyampaikan trofi kepada Nazir di Kuala Lumpur, semalam.

Bursa Malaysia itu, memper-taruhkan enam kategori untuk dimenangi syarikat senaraian awam dan bank terkemuka di kalangan 75 syarikat yang bermodal besar, sederhana dan kecil di dalam negara.

Kategori itu ialah Anugerah Syarikat Terbaik bagi Perhubungan Pelabur; Anugerah Perhubungan Pelabur Terbaik Syarikat IPO 2010; Ketua Eksekutif Terbaik Perhubungan Pelabur; Ketua Pegawai Kewangan Terbaik Perhubungan Pelabur; Perhubungan Pelabur Profesional dan Laman Web Perhubungan Pelabur Terbaik.

Ia diadakan bagi mengiktiraf amalan terbaik dan integriti syarikat senaraian

awam dan pengamal dalam industri berkenaan.

Sementara itu, SP Setia Bhd muncul Syarikat Terbaik bagi Perhubungan Pelabur dalam kategori syarikat bermodal sederhana; manakala Kossan Rubber Industries Bhd pula dipilih di bawah kategori syarikat senaraian awam bermodal kecil.

Bagi Anugerah Ketua Eksekutif Terbaik Perhubungan Pelabur kategori syarikat bermodal sederhana, ia menobatkan Ketua Eksekutif Kumpulan AirAsia Bhd, Datuk Seri Tony Fernandes, manakala Ketua Eksekutif CB Industrial Product Holding Bhd, Lim Chai Beng dipilih bagi kategori syarikat bermodal kecil.